

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH JUMAAT, 27 MAC 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

Angka kematian 23, jumlah kes positif 2,031

Tiga mangsa daripada jemaah tabligh, punca jangkitan seorang lagi masih disiasat

Putrajaya: Empat kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan kepada Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) setakat tengah hari semalam, menjadikan keseluruhan 23, manakala jumlah kes positif meningkat kepada 2,031.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tiga daripada mangsa yang meninggal dunia ialah jemaah tabligh yang menyertai ijtima di Masjid Seri Petaling pada 27 Februari lalu, manakala punca jangkitan terhadap seorang lagi mangsa masih disiasat.

Beliau berkata, kes kematian ke-20 dan 21 sudah dilaporkan menerusi siaran media di Facebook Ketua Pengarah Kesihatan kelmarin dan pagi semalam.

Kes kematian ke-22, mangsa ialah kes ke-1,797, lelaki warganegara Malaysia berusia 48 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik dan menghadiri perhimpunan di Seri Petaling. Mangsa juga mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19

yang menghadiri perhimpunan sama.

Mangsa yang dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor dan disahkan meninggal dunia pada 23 Mac 2020, jam 8.15 malam.

"Kematian ke-23 adalah kes ke-1,840, lelaki warganegara Malaysia berusia 62 tahun dari Kajang. Beliau mempunyai latar belakang penyakit kronik dan menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh, Perak mulai 23 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 25 Mac 2020, jam 12.37 tengah hari.

"Kes beliau masih dalam siasatan sekiranya mempunyai kaitan dengan mana-mana kluster COVID-19," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, hingga jam 12 tengah hari semalam, ada 235 kes baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 2,031.

Berdasarkan siasatan awal, daripada 235 kes baharu yang dilaporkan semalam, 60 kes adalah berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling. Baki 175 kes masih dalam siasatan dan mungkin berkaitan dengan lain-lain kluster.

Bagi pesakit yang sudah pulih pula, 16 kes dilaporkan dan mereka kini sudah dibenarkan pulang.



Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia melakukan ujian terhadap individu kumpulan tabligh yang hadir ujian saringan di Masjid Seksyen 7. (Foto Osman Adnan /BH)

Seramai 45 individu sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 32 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, 98 peratus pesakit dijangkiti COVID-19 dapat dipulihkan, namun ia memerlukan masa.

"Kebanyakan pesakit akan pulih, kalau kita lihat kadar kematian di negara ini adalah 1.1 peratus berbanding kematian pesakit COVID-19 pada peringkat global sebanyak 4.5 peratus.

"Sebelum mereka dapat dibenarkan pulang, kita perlu pastikan pesakit ini memperoleh hasil ujian negatif daripada COVID-19 dalam tempoh 24 jam.

"Ada juga antara pesakit perlu tunggu hingga 10 hari atau dua minggu sebelum mereka sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang," katanya.

Anggota kesihatan juga akan melaksanakan perkhidmatan lawatan ke rumah ibu lepas bersalin untuk memastikan ibu dan anak dalam keadaan sihat.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Perkhidmatan Kesihatan Ibu Hamil dan Anak berjalan seperti biasa walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuat kuasa.

"Anggota kesihatan juga akan melaksanakan perkhidmatan lawatan ke rumah kepada ibu lepas bersalin untuk memastikan ibu dan anak dalam keadaan sihat. Bagi ibu hamil dan ibu bapa yang berada di luar kawasan, bolehlah mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan/klinik," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan ibu hamil menjalani pemeriksaan mengikut tarikh temu janji diberikan.

Katanya, perkhidmatan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak juga diteruskan seperti biasa dan ibu bapa diminta mematuhi jadual imunisasi serta tarikh temu janji yang ditetapkan.

"Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepentingan mematuhi jadual imunisasi kanak-kanak bagi mencegah terjadinya kejadian wabak penyakit cegah vaksin," katanya.

Bayi berusia 12 hari pesakit termuda COVID-19

Putrajaya: Bayi berusia 12 hari adalah pesakit termuda yang positif COVID-19 selepas dijangkiti ketika gelombang kedua wabak berkenaan melanda negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika gelombang pertama, usia paling muda ialah empat tahun dan gelombang kedua pula ialah bayi 12 hari manakala pesakit tertua pula berusia 83 tahun.

Beliau berkata, butiran lanjut mengenai kes berkenaan akan di-

umumkan kemudian.

Pada sidang media harian COVID-19 di sini semalam, Dr Noor Hisham turut menjelaskan bekalan darah negara masih mencukupi.

"Setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah periksa bekalan darah mencukupi, tetapi kita galakkan orang ramai datang dan menderma di hospital ataupun di dua pusat kami di Putrajaya dan Mid Valley.

"Selain itu kita turut menyediakan perkhidmatan bas ke ka-

wasan komuniti yang mempunyai permintaan tinggi untuk derma darah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun COVID-19 sedang melanda negara, ia tidak menjejaskan proses pengambilan darah.

"Selamat untuk menderma darah, itu bukan jangkitan. Jadi, jika ikutkan prosedur sedia ada, kita akan (adakan proses) nyahkuman dan kemudian baru kita ambil darah," katanya.

Sementara itu di Kota Bharu, seorang kanak-kanak dua tahun

berhadapan ujian berat apabila bukan saja menghidap kanser darah, dia juga disahkan positif COVID-19, sekali gus menjadi pesakit termuda di Kelantan.

Kanak-kanak berkenaan yang sepatutnya menjalani rawatan kemoterapi di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), terpaksa menangguhkannya selepas ujian darah dilakukan mendapati kanak-kanak itu positif COVID-19.

Perkara itu didedahkan Persatuan Sokongan Anak-anak Kanser

(PESONA) menerusi Facebook, kelmarin.

Kisah kanak-kanak berkenaan tular di Facebook sejak kelmarin dan mengundang simpati masyarakat.

Sumber Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan ketika dihubungi, mengesahkan kanak-kanak berkenaan positif COVID-19.

"Mangsa kini dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu. Kanak-kanak itu dijangkiti COVID-19 melalui keluarga," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

6

JUMAAT, 27 MAC 2020 BH

Menteri jadi ahli mesyuarat MKN setiap negeri

Putrajaya: Seorang menteri Kabinet sudah diarahkan menjadi ahli mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) di negeri masing-masing bagi mewakili Kerajaan Persekutuan menyelaras pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu sudah diputuskan dalam mesyuarat semalam dan berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, menteri Kabinet itu akan menyampaikan maklumat dan keputusan Kerajaan Persekutuan dalam mesyuarat MKN negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi menyelaraskan segala tindakan yang akan diambil.

"Kerajaan menyedari di sesetengah negeri mempunyai prosedur operasi standard (SOP) sendiri dan berkemungkinan ada kekurangan dari segi penyelarasan.

"Kita sudah meminta MKN memaklumkan kepada MKN negeri dan jika esok (hari ini) ada mesyuarat MKN di peringkat negeri, ia akan dihadiri oleh menteri Kabinet yang mewakili Kerajaan Persekutuan," katanya di sini, semalam.

Ketika ini, ada beberapa negeri yang mencatat pematuhan PKP yang tinggi manakala ada negeri lain masih rendah.

Mengenai pelaksanaan PKP, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, MKN akan memperkenalkan SOP baharu yang lebih tegas, Sabtu ini.

Fasa pertama PKP, biarpun mempunyai sekatan, ada banyak perkara yang seolah-olah dibenarkan atau mendapat pengecualian.

SOP baharu itu akan lebih tegas bagi memastikan langkah yang diperkenalkan berjaya menyekat penularan Covid-19 di negara ini.

"Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, yang mampu untuk menyekat penularan COVID-19 adalah tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Yang mampu memutuskan penularan adalah tuan-tuan dan puan-puan.

"Tanggungjawab kita untuk memastikan selepas dua minggu lagi tidak ada lagi sambutan kepada sekatan pergerakan ini," katanya.

Ditanya sama ada ibu bapa yang akan dikenakan tindakan apabila ada anak-anak mereka yang merayau dan tidak mematuhi PKP, Ismail Sabri berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia dan agensi lain yang terlibat dalam penguatkuasaan PKP.

Nasional

Topeng muka percuma untuk 8.63 juta isi rumah

Pengagihan akan dibuat secara berperingkat berpandukan nasihat KKM

Putrajaya: Kerajaan akan memberi secara percuma topeng muka kepada 8.63 juta isi rumah apabila produk itu yang diimport tiba di negara ini nanti.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pengagihan itu akan dibuat secara berperingkat dengan berpandukan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai siapa yang sewajarnya mendapat topeng muka berkeajaan dari negara luar.

Katanya, topeng muka itu juga bukan diperoleh secara percuma seperti didakwa sesetengah pihak, sebaliknya dibeli oleh kerajaan dari negara luar.

"Kita akan edarkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah, kita akan mula edarkan selepas ia diperolehi."

"Sekali lagi saya ingin katakan, kerajaan tidak mendapat topeng muka itu secara percuma seperti yang dihebahkan, sebaliknya ia

Kita akan edarkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah, kita akan mula edarkan selepas ia diperolehi.

Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Kluster Keselamatan)



dibeli dari negara terbabit," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Isnin lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan kerajaan bersetuju mengagihkan topeng muka kepada rakyat secara percuma sebagai anah

tersebut. Beliau dilaporkan berkata, kerajaan mengambil keputusan mengimport kira-kira 10 juta topeng muka dari China dan sudah mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) supaya menggunakan peruntukan disediakan kerajaan untuk membawa masuk bekalan itu.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) membuat keputusan menyerahkan urusan pembersihan dan pencucian nyahce-

mar di premis awam kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta tentera.

Anggota agensi terbabit akan melaksanakan kerja berkenaan terutama di kawasan dikenal pasti sebagai kawasan merah. MKN juga setuju membekalkan termometer kepada anggota polis yang terbabit melakukan sekatan jalan raya susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) diarahkan untuk mendapatkan termometer mengesan suhu di setiap sekatan jalan raya.

"Begitu juga dengan topeng muka, kita akan berikan kepada pihak barisan hadapan bukan saja di hospital tetapi kepada polis, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM)," katanya.

Ismail Sabri turut menafikan dakwaan kononnya pergerakan kenderaan atau lori yang membawa bekalan makanan mentah seperti sayur dari Cameron Highlands disekat polis.

"Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador memberi jaminan kenderaan terbabit akan diberi laluan mudah dan tiada sekatan," katanya.

Beliau turut menasihatkan rakyat berhenti menyebarkan rakat palsu sepanjang tempoh PKP dilaksanakan kerana ia boleh merosakkan lagi suasana dan menghuru-harakan keadaan.

Pesara sihat, baru bersara kriteria KKM

Kuala Lumpur: Kakitangan perubatan yang bersara dalam tempoh setahun dan sihat adalah kriteria utama dalam urusan pengambilan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai anggota barisan hadapan merawat pesakit COVID-19.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, berkata golongan pesara ini akan dibayar secara harian sepanjang tempoh berkhidmat namun jika tempoh lebih panjang diperlukan, mereka akan diikat secara kontrak selama tiga atau enam bulan.

"Kita sudah dapat kelulusan untuk menggunakan khidmat golongan pesara terdiri daripada jururawat dan kakitangan perubatan dan sudah kenal pasti mereka untuk dipanggil bertugas.

"Antara kriteria awal yang ditetapkan ialah mereka tak boleh datang daripada kelompok yang sudah lama bersara untuk memastikan kemahiran masih segar selain perlu sihat," katanya kepada BH, di sini.

tahan semula.

Selain itu adalah penting bagi kerajaan untuk memastikan barisan doktor yang disenaraikan itu sesuai untuk bertugas khususnya mereka berusia 60 tahun ke atas yang mungkin berisiko kerana mempunyai masalah kesihatan.

"MMA memuji cadangan KKM untuk memanggil semula doktor yang sudah bersara dan yang berkhidmat dalam tentera.

"Ini adalah satu krisis dan segala bantuan yang boleh menyumbang kepada sistem penjagaan kesihatan negara amat diperlukan.

"Namun, KKM mesti memastikan mereka dilatih semula dengan peralatan perlindungan diri (PPE) disediakan," katanya ketika dihubungi.

Pada masa sama, Ganabaskaran berkata, MMA juga bersedia membantu malah sudah mempunyai sukarelawan yang bersedia tampil membantu KKM memerangi pandemik COVID-19.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Jururawat Malaysia (MNU), Nor Hayati Abd Rashid, berkata keputusan kerajaan untuk 'memasukkan' 3,000 pasukan jururawat dan pegawai perubatan bersara sepanjang tempoh mendepani COVID-19 ini juga berupaya mengelakkan risiko berlakunya kakitangan kelelahan.

"Kita amat mengalu-alukan kedatangan pasukan ini yang boleh menggantikan kakitangan yang mungkin ada risiko sakit seperti demam ketika bertugas dan mereka perlu direhatkan mengikut keperluan kerja.

"Apapun KKM tidak akan mengingir soal keselamatan kakitangan yang bertugas di barisan hadapan dalam mendepani wabak ini selain kita turut mengikut SOP yang ditetapkan.

"Memang ada yang tidak dapat pulang ke rumah kerana bertugas namun kami diberikan tempat tidur dan makanan," katanya ketika dihubungi BH.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

BH JUMAAT, 27 MAC 2020

11

Nasional

Bagaimana ujian molekular COVID-19 dijalankan?

1 Sampel calitan menggunakan kapas diambil daripada bendalir dibahagian atas saluran pernafasan

2 Sampel kemudian dicampurkan dengan bahan reagen yang meleraikan susunan genetik RNA virus


3 Bahan reagen berupaya mengenal pasti bahagian unik susunan genetik coronavirus, selain mengetepikan virus jenis lain walaupun ia mempunyai rupa yang hampir sama

4 Genetik virus kemudian dibiakkan daripada beberapa molekul sasaran yang menjangkau jumlah hampir satu bilion, sekali gus menjadikan virus ini mudah dikesan

5 Ujian molekular Abbott digunakan untuk menghasilkan keputusan ujian kepada petugas kesihatan

ITALI	» Kes - 74,386	» Pulih - 9,362	» Mati - 7,503	
SEpanyol	» Kes - 49,515	» Pulih - 5,367	» Mati - 3,647	
CHINA	» Kes - 81,285	» Pulih - 74,051	» Mati - 3,287	
IRAN	» Kes - 29,406	» Pulih - 9,625	» Mati - 2,234	
AMERIKA SYARIKAT	» Kes - 68,573	» Pulih - 428	» Mati - 1,036	
KOREA SELATAN	» Kes - 9,241	» Pulih - 4,144	» Mati - 131	
INDONESIA	» Kes - 893	» Pulih - 35	» Mati - 78	
SINGAPURA	» Kes - 631	» Pulih - 160	» Mati - 2	
FILIPINA	» Kes - 707	» Pulih - 28	» Mati - 45	
THAILAND	» Kes - 1,045	» Pulih - 88	» Mati - 4	
INDIA	» Kes - 693	» Pulih - 43	» Mati - 13	
ARAB SAUDI	» Kes - 900	» Pulih - 29	» Mati - 2	

Jumlah kes dan kematian terkini COVID-19 di Malaysia



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

FOTO: ASYRAF HAMZAH

WARGA roti menunggu untuk menaiki bus di Kuala Lumpur, semalam.



Jangkit dari keluarga

Budak hidap kanser jadi antara mangsa termuda di Kelantan



Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Ujian berat buat kanak-kanak berusia dua tahun apabila bukan saja menghidap kanser darah, malah menjadi antara mangsa termuda positif Covid-19 di Kelantan.

Kanak-kanak itu yang sepatutnya menjalani rawatan kimoterapi di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) namun terpaksa menanggung selepas ujian darah yang dilakukan mendapati kanak-kanak itu positif Covid-19.

Perkara itu didedahkan oleh Persatuan Sokongan Anak-Anak Kanser (Pesona)

Bayi 12 hari positif Covid-19

Kuala Lumpur: Bayi berusia 12 hari adalah pesakit jangkitan Covid-19 termuda di Malaysia, manakala pesakit tertua membabitkan warga emas berusia 83 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, golongan mempunyai ketahanan rendah menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memberikan rawatan.

Menurutnya, tiga faktor berisiko tinggi dijangkiti iaitu individu berusia 70 tahun ke atas, mempunyai penyakit lain dan

mendapatkan rawatan lewat.

"Strategi kita adalah untuk melindungi mereka yang mempunyai ketahanan rendah seperti pesakit berusia dan mempunyai penyakit lain.

"Golongan ini harus dilindungi dan memastikan mereka duduk di rumah," katanya dalam sidang media harian terkini Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan rekod, KKM mendapati pesakit Covid-19 mempunyai peluang untuk pulih sekiranya mereka mendapatkan rawatan sepenuhnya.

"Golongan ini harus dilindungi dan memastikan mereka duduk di rumah"
Dr Noor Hisham

menyerusi Facebook, kelmarin.

Menerusi Facebook berkenaan, Pesona memohon orang ramai mendoakan mangsa yang berusia dua tahun empat bulan yang disahkan positif Covid-19.

"Mangsa, penghidap leukemia sepatutnya menjalani kitaran kimoterapinya mengikut jadual di HUSM

Kubang Kerian, namun ujian darah yang dilakukan mendapati dia dijangkiti Covid-19.

"Mohon didoakan agar mangsa sembuh dan dapat meneruskan perjuangannya," katanya.

Terdahulu, kisah kanak-kanak berkenaan tular di Facebook dan mengundang simpati masyarakat.

Sementara itu, sumber Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan ketika dihubungi mengesahkan kanak-kanak berkenaan positif Covid-19.

"Dia dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu. Kanak-kanak itu dijangkiti Covid-19 melalui keluarga," katanya.

Mercy Malaysia, KKM beri bantuan psikologi

Kuala Lumpur: Prihatin dengan tahap kesihatan mental rakyat terkesan dengan Pandemik Covid-19, Mercy Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melancarkan talian bantuan pertama psikologi (PFA) dan siri penjagaan diri Facebook Live.

Khidmat sokongan psikososial dan kesihatan mental menggunakan platform Hotline dan siri FB Live adalah perkhidmatan julung kali ditawarkan di Malaysia sudah menerima lebih daripada 50 panggilan sejak dilancarkan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagi FB Live juga bersiaran daripada FB rasmi Mercy Malaysia sudah dilihat oleh lebih daripada seribu orang sejak ia bersiaran tiga hari lalu di platform

terbabit.

Menurut pakar psikologi yang juga mengetuai pasukan sokongan berkenaan Dr Hariyati Shahrina Abdul Majid berkata, pihaknya berharap ia dapat membantu dalam menangani tahap psikologi dan kesihatan mental individu terkesan dengan lebih efektif.

"Dengan aliran dan Hotline Live ini, kami berharap dapat memberikan bantuan secara langsung, berkesan dan profesional kepada orang yang psikologi terjejas oleh Covid-19," katanya.

Hotline beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi hingga 5 petang akan disokong sekumpulan 19 sukarelawan psikososial Mercy Malaysia bersama pegawai dari KKM.

Hotline sokongan psikososial boleh dicapai di talian 03-2935 9935.

Hotline beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi hingga 5 petang

RINGKAS

HEBHK Kluang jadi Hospital Covid-19

Johor Bahru: Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom (HEBHK) Kluang dijadikan sebagai Hospital Covid-19 di negeri ini berkuat kuasa kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor R Vidyannanthan berkata, langkah itu diambil jabatan

Kesihatan Negeri Johor berikutan peningkatan kes wabak Covid-19 di negeri ini.

"Bagi kes bujukan kecemasan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berhampiran berikutan status HEBHK dijadikan Hospital Covid-19," katanya.

Tangkap terus, tiada lagi amaran!

Johor Bahru: Polis sudah membuka 32 kertas siasatan sepanjang sembilan hari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula sejak 18 Mac lalu, manakala tiga kes sudah ditangkap dan akan dituntut di mahkamah.

Ketua Polis Johor Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, tiada lagi amaran kepada individu yang masih ingkar dengan PKP, selain pihaknya akan mengambil tindakan sewajarnya.

"Kita boleh tengok daripada segi tangkapan, yang semalam (kelmarin)

saja lebih 100 tangkapan satu Malaysia dan di Johor pun akan kita tingkatkan.

"Amaran sudah tidak ada lepas ini, kita akan pastikan yang mana ingkar kita akan tangkap.

"Kalau tengok sekatan jalan raya pun, lebih daripada dua orang dalam kenderaan, polis akan minta mereka patah balik, tidak ada lagi ruang untuk mereka bergerak. Saya minta semua rakyat patuhilah arahan kerajaan," katanya ketika ditemui pada lawatan Op Covid-19 di Pasar Borong Pandan di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

6A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetro

Jumaat 27.03.2020 | Harian Metro

lokal

Tujuh kakitangan Istana Negara positif

Kuala Lumpur: Tujuh kakitangan Istana Negara disahkan positif Covid-19 dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, semua mereka berada di hospital sejak Selasa lalu dan dalam keadaan stabil.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengenal pasti punca jangkitan Covid-19 bagi tujuh kakitangan berkenaan.

"Berikutan tujuh kes positif jangkitan virus ini dan sebagai tindakan proaktif, Istana Negara dengan ker-

jasama KKM khususnya HKL dan Pusat Kesihatan Kepong melaksanakan kaedah terperinci mengenal pasti kontak rapat dan kakitangan bertugas di Istana Negara bersama tujuh kakitangan berkenaan.

"Semua kontak rapat dan kakitangan berkenaan diarahkan menjalani proses saringan jangkitan Covid-19 untuk memastikan penularan virus ini dapat dikawal dan dicegah di Istana Negara selain diarahkan menjalani kuarantin selama 14 hari mulai semalam," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ahmad Fadil berkata,

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah disahkan negatif virus itu.

"Lanjutan daripada proses saringan ini, baginda berdua menjalani kuarantin diri selama 14 hari bermula semalam.

"Baginda dinasihatkan supaya tidak mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mesyuarat mingguan pra-kabinet dijadualkan berlangsung semalam dan sesi berikutnya sehingga situasi pande-

mik ini pulih," katanya.

Menurutnya, Baginda menzahirkan sokongan kepada pengumuman awal keputusan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga 14 April ini.

"Baginda turut berharap semua rakyat Malaysia tabah menghadapi dugaan dan terus memberi sokongan kepada petugas kesihatan dan keselamatan.

"Baginda turut menitahkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri melaksanakan solat hajat serentak di seluruh negara pada hari yang akan ditentukan untuk kesejahteraan



AL-SULTAN Abdullah dan Tunku Azizah menjalani kuarantin diri selama 14 hari bermula semalam.

rakyat Malaysia dalam menghadapi situasi terkini. "Istana Negara akan terus melaksanakan kerja pembersihan dan pembasmian

kuman yang menyeluruh mengikut garis panduan keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan KKM," katanya.



PELUGAS KKM melakukan pemeriksaan kepada individu daripada kumpulan tabligh yang hadir pada sesi ujian saringan di Masjid Seksyen 7 semalam.



AZRUL datang sekali lagi memberi sampel kepada KKM untuk diuji.

Jemaah patuh perintah

Peserta ijtimak di Masjid Sri Petaling ikut arahan jalani saringan Covid-19

faat kepada orang lain. Itu pendekatan digunakan jemaah tabligh untuk hadir menjalani saringan pengesanan kesihatan susulan penularan wabak Covid-19 di negara ini.

Bagi Azrul Helmy Hafiz Ab Malek, 37, jemaah yang mengikuti usaha dakwah tabligh sememangnya ditegakkan mengenai ketaatan kepada ketua dan perintah. Menurutnya, sebaik kera-

jaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru jemaah tabligh yang hadir ijtimak di Masjid Sri Petaling, ramai rakan jemaah patuh seterusnya menjalani saringan kesihatan di masjid berkenaan pada 12 Mac lalu.

"Jemaah yang hadir ijtimak datang ke masjid dan klinik kesihatan seperti diminta kerajaan dan KKM kerana patuh kepada ara-

han itu.

"Hari ini saya dan rakan tabligh sekali lagi datang memberi sampel kepada KKM untuk diuji.

"Setakat ini saya masih tidak mempunyai simptom namun atas dasar tanggungjawab kepada negara dan orang lain saya tetap hadir di Masjid Seksyen 7, Shah Alam untuk sampel diambil," katanya kepada Harian Metro, semalam.

KKM membuka pusat saringan sementara di Masjid Seksyen 7 di Shah Alam bagi memudahkan jemaah tabligh hadir menjalani pemeriksaan.

Berdasarkan laporan KKM, dianggarkan seramai 16,500 jemaah menghadiri ijtimak yang berlangsung 28 Februari hingga 1 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Azrul turut menyeru rakan dakwah yang hadir ke ijtimak tem-

poh hari hadir menjalani ujian saringan tanpa berlembang kerana kelewatan berbuat demikian akan memberi impak kepada masyarakat dan negara.

"Sebaik Muslim adalah mereka yang memberikan manfaat pada orang lain.

"Saya juga berharap pandemik ini akan berakhir secepat mungkin dan membolehkan usaha dakwah dapat diteruskan," katanya.



Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Taat dan patuh kepada perintah ketua selain dapat memberi man-

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : LOKAL

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetro

Jumaat 27.03.2020 | Harian Metro

lokal



PADEMİK COVID-19

Oleh Amir Abd Hamid
 amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

“Musim virus Covid-19 saya elak untuk peluk atau cium anak-anak saya. Berdebar jumpa pesakit di hospital dan berdebar jumpa keluarga sendiri di rumah. Anak persoalkan ‘Why mummy taknak hug macam biasa?’. Saya terpaksa terangkan walaupun sedih,” kata seorang doktor yang bertugas di Unit Kecemasan dan Trauma sebuah hospital di utara tanah air.

Wanita berusia pertengahan 40-an itu berkata, bagi semua pengamal perubatan perkara paling ditakuti adalah dijangkiti dan menyebarkan virus pandemik itu kepada keluarga dan anak-anak.

Menurutnya, dia juga terpaksa menanggukkan kebiasaan memeluk ibunya setiap kali pergi dan pulang kerja.

“Dahulu sebelum pergi kerja dan balik kerja saya peluk cium ibu. Namun sekarang saya terpaksa elakkan lakukan begitu sebab sayangnya saya kepada ibu.

“Saya katakan ‘Emak tak boleh nak peluk buat masa ini’. Saya takutkan risiko. Mungkin tiada mungkin ada virus.

“Semua pengamal perub-



COVID-19 beri cabaran kepada pengamal perubatan di seluruh negara.

Rindu tapi jauhkan diri

Pengamal perubatan paling takut jadi penyebar virus kepada keluarga, anak-anak

batan paling takut apabila dijangkiti dan sebarkan virus kepada keluarga dan anak-anak. Itu paling menakutkan...nightmare,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, lebih membimbangkan ialah usia ibunya sekitar 70-an dan menghadapi kencing manis serta darah tinggi menyebabkan sistem imuniti badan lebih lemah berbanding orang tidak berpenyakit.

Bagi memastikan dia bersih, katanya, dia membawa dalam beg tiga pasang peralihan pakaian dari rumah ke hospital.

“Sebelum balik selepas selesai bertugas di hospital, saya mandi bersabun basuh rambut semua seluruh anggota badan bersihkan diri dan tukar baju di hospital.

“Baju yang dipakai di hos-

pital itu biasanya akan ditinggalkan untuk dicuci dan disteril di hospital.

“Saya tak bawa balik baju sudah dipakai di hospital. Sesudah tukar baju baru saya balik ke rumah,” katanya.

Disebabkan begitu risaukan keselamatan keluarganya, dia menjelaskan sebelum sampai di rumah dia sudah berpesan kepada ibu atau anaknya untuk buka pintu rumah dan segera ke bilik air untuk mandi sekali lagi.

Menurutnya, baju yang baru dipakai di hospital itu pula akan segera dibasuh tanpa dicampurkan dengan pakaian lain.

“Kita tak tahu persekitaran hospital kemungkinan virus. Balik hospital saya memang dah pesan dengan ibu atau anak tolong bu-

kakan pintu rumah dan jangan dekati saya.

“Sehingga begitu sekali kena lakukan sebab tak mahu menjadi pembawa virus kepada keluarga.

“Virus Covid-19 ini sangat senang menjangkiti orang lain, tetapi menyedihkan setengah orang tidak ambil peduli perkara ini,” katanya.

Beliau yang berpengalaman bertugas di Hospital Umum Sarawak semasa pandemik Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan sewaktu Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV) menjelaskan apa dibimbangi ialah virus Covid-19 boleh bertahan beberapa hari di permukaan berbanding virus lain kebanyakannya hayat beberapa jam sekiranya tidak berjumpa sel hidup.

Mengulas mengenai wak-

tu kerja panjang seharian, katanya, pengamal perubatan menganggap ia perkara biasa.

“Pertambahan jumlah waktu bekerja, ketahanan doktor, jururawat dan rakan-rakan sektor kesihatan berkaitan bukanlah sesuatu yang baru bagi kami.

“Cuma dalam 12 jam kita kena bersama pesakit ada risiko virus dengan berpakaitan kelengkapan keselamatan peralatan perlindungan diri (PPE) hingga beberapa hari berturut-turut memang rasa penat.

“Itu yang apabila balik rumah kita rasa tertekan...orang lain jaga anak-anak, ini selepas balik pun malah dah mandi masih tak berani nak dekat dengan anak-anak sebab risau bawa balik virus,” katanya yang memiliki tiga cahaya mata.

Katanya, mengenai PPE jika dipakai dalam tempoh dua jam sudah cukup menyebabkan seluruh anggota tubuh dibasahi peluh.

Ini kerana, menurutnya PPE tidak mempunyai ruang pengudaraan bagi memastikan virus Covid-19 tidak tembus menyentuh anggota badan.

“Penutup mulut dan hidung kena pakai dua lapisan untuk elak virus memasuki saraf pernafasan dan mulut.

“Kena pakai penutup bagi melindungi mata, penutup muka, rambut kena tutup dengan beberapa lapisan pelindung, baju khas sekurang-kurangnya tiga lapisan dan kaki kena tutup sepenuhnya tanpa sedikit pun terdedah keseluruhan dari hujung kaki ke hujung kepala,” katanya.

Mengulas mengenai wak-



JURURAWAT HKL berbual dengan Aznil menerusi rakaman video.

Tolong jujur beri maklumat

Kuala Lumpur: “Tolonglah jujur beri maklumat kerana Covid-19 bukan penyakit biasa,” rayu Mizi, seorang daripada kakitangan barisan hadapan yang kini dikarantina selepas disyaki mempunyai simptom wabak itu.

Menerusi rakaman video yang dikongsi pengacara terkenal tanah air, Datuk Aznil Nawawi, Mizi memaklumkan dia menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Kuala Lumpur, sejak 20 Mac lalu.

Dia bertugas di Bahagian Kecemasan Hospital Universiti Kebangsaan Mala-

ysia (HUKM) dan menguruskannya pesakit Covid-19 untuk dihantar ke HKL dan Hospital Sungai Buloh bagi mendapatkan rawatan lanjut.

“Saya dimasukkan ke HKL selepas badan rasa lemah sebelum saya menjalani ujian pengesanan Covid-19.

“Alhamdulillah, selepas tiga kali ujian, saya disahkan negatif namun belum dibenarkan keluar kerana masih demam, cirit-birit dan muntah,” katanya dalam perkongsian di Instagram Aznil, kelmarin.

Berkongsi lanjut menge-

nai kehidupannya, dia berkata, isterinya juga seorang jururawat di HUKM yang baru mula bertugas semalam selepas dikarantina di rumah dan tidak mengalami simptom Covid-19.

“Saya sedih bila terkenangkan isteri dan keluarga. Mujur sehari sebelum ditahan wad saya ada beli barangan makanan.

“Untuk isteri, jaga diri, balik rumah terus mandi dan jangan pegang apa-apa. Abang minta maaf tak boleh buat apa-apa, doakan abang cepat balik,” katanya.


AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Jumaat 27.03.2020


 @hmetromy Facebook @hmetromy www.hmetro.com.my

**PADEMIAK
COVID-19**

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jumlah kes positif Covid-19 terus meningkat apabila mencatatkan 235 kes baharu manakala empat kematian direkodkan, semalam.

Ini menjadikan jumlah kes terkini adalah 2,031 kes dengan 23 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 60 kes adalah berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling manakala 175 kes lagi berkaitan dengan lain-lain kluster dan masih dalam siasatan untuk kepastian.

Menurutnya, 45 kes positif Covid-19 sedang dirawat di

235 mangsa baharu

Bilangan individu positif ujian Covid-19 terus catat peningkatan

Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 32 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.


"Dukacita dimaklumkan, terdapat empat kes kematian baru dilaporkan di Pusat Ke-siapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 sebanyak 23 kes.

"Kes kematian ke-21 adalah kes ke-1588 iaitu lelaki warga emas berusia 63 tahun dan peserta perhimpunan tabligh dan dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah pada 23 Mac lalu. Beliau disahkan meninggal dunia jam 4 pagi tadi (semalam)," katanya dalam sidang media harian terkini Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-22 pula membabitkan lelaki berusia 48 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik dan peserta perhimpunan tabligh serta mempunyai kontak rapat dengan

ANGGOTA KESIHATAN KKM YANG DIJANGKITI COVID-19

Jumlah Anggota : 80 orang Jumlah Hospital : 6 buah Fasiliti Kesihatan : 24 buah



SUMBER: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

FAHMY NASHIM INFOGRAFIK Metro

kes positif Covid-19 yang menghadiri perhimpunan sama.

"Beliau dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor dan disah-

kan meninggal dunia pada 23 Mac, jam 8.15 malam tadi (kelmarin).

"Bagi kes kematian ke-23 membabitkan lelaki berusia 62 tahun dengan latar belakang penyakit kronik dan menghadiri perhimpunan tabligh. Pesakit menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh dan meninggal dunia 12.37 tengah hari tadi (semalam)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham berkata, walaupun dalam keadaan situasi wabak, KKM menekankan bahawa Perkhidmatan Kesihatan Ibu Hamil dan Anak adalah berjalan seperti biasa.

Katanya, anggota kesihatan akan melaksanakan perkhidmatan lawatan ke rumah kepada ibu lepas bersalin untuk memastikan ibu dan anak dalam keadaan sihat manakala bagi ibu hamil dan ibu bapa yang berada di luar kawasan, boleh mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan.

80 anggota KKM positif Covid-19

Kuala Lumpur: Seramai 80 anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dikesan positif Covid-19 setakat pagi semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan siasatan, punca jangkitan bagi semua anggota kesihatan ini bukan disebabkan pengendalian kes positif Covid-19 di fasiliti Kesihatan KKM.

"Bagaimanapun, semua anggota kesihatan dan barisan hadapan dinasihati untuk mengamalkan langkah pencegahan seperti disarankan terutamanya dalam memastikan tangan sentiasa bersih, mengamalkan jarak sosial dan pemakaian alat pelindung diri (PPE) mengikut keperluan yang ditetapkan," katanya.

Kenyataan di Facebook rasminya itu turut menyertakan 30 hospital dan klinik kesihatan serta pejabat kesihatan yang anggota kesihatannya dijangkiti virus itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

<p>29 Sinar Negeri</p> <p>Tiada bazar Ramadan di Negeri Sembilan tahun ini, kata MB</p>	<p>30</p> <p>Dua lelaki difahan edar dadah ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Sungai Petani</p>	<p>28</p> <p>Pekerja penyelenggara piam atas pencawang setinggi 45 meter di Temerloh</p>	<p>JUMAAT 27 MAC 2020 • SINAR HARIAN</p>
--	--	---	--

MEMERANGI WABAK COVID-19

WHO puas hati langkah Malaysia tangani Covid-19

PUTRAJAYA - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berpuas hati dengan langkah Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menangani wabak Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu diutarakan WHO dalam pertemuan dengan pegawai kementerian semalam.

"Mereka puas hati dengan apa yang kita ada," katanya di sini semalam.

Menurutnya, KKM memaklumkan langkah yang telah diambil antaranya Perintah Kawalan Pergerakan, aktiviti pengesanan kontak, melakukan ujian saringan, kuarantin dan rawatan terhadap pesakit Covid-19.

"Kita ada kumpulan sasaran kita iaitu tabligh, pendatang tanpa izin, pelarian Rohingya dan sebagainya yang hadir dalam perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, dalam pertemuan itu, WHO turut didedahkan dengan kepakaran petugas kesihatan merawat pesakit Covid-19 selain kesiapsiagaan barisan hadapan mendepani wabak itu.

Covid-19 ragut nyawa ke-23

Empat kematian direkodkan semalam dengan tiga daripadanya jemaah tabligh

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA
Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan empat kematian dengan tiga daripadanya merupakan jemaah tabligh yang menghadiri perhimpunan di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian bagi

kes ke-20, 21 dan 22 merupakan jemaah tabligh yang masing-masing meninggal dunia di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai, Kelantan; Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan Hospital Enchee' Besar Hajjah Khalsom, Johor.

Katanya, kes ke-20 merupakan kes ke-780 melibatkan lelaki berusia 76 tahun.

"Dia dirawat pada 18 Mac dan disahkan meninggal dunia jam 4.35 petang semalam (kelmarin)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian ke-21 merupakan kes ke-1,588. Mangsa berumur 63 tahun.

"Dia dirawat pada 23 Mac dan disahkan meninggal dunia jam 4 pagi tadi (semalam)," katanya.

Menurutnya, kes kematian ke-22 pula melibatkan kes 1,797 yang berumur 48 tahun

Bayi berusia 12 hari mangsa paling muda

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mendedahkan bayi berusia 12 hari antara pesakit termuda dijangkiti Covid-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bayi tersebut merupakan mangsa gelombang kedua wabak berkenaan.

"Bagi gelombang pertama, usia paling muda empat tahun tetapi sekarang bayi berusia 12 hari disahkan positif Covid-19.

"Pesakit Covid-19 paling tua dirawat di hospital berumur 83 tahun," katanya di sini semalam.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan butiran terperinci mengenai pesakit terbabit.

"Butirannya kita akan maklumkan kemudian," katanya.

dan mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Dia dirawat di Hospital Enchee' Besar Khalsom, Johor dan disahkan meninggal dunia jam 8.15 malam pada 23 Mac," katanya.


Dr Noor Hisham berkata, KKM sedang menyalut kematian melibatkan kes ke-23 yang merupakan kes 1,840. "Lelaki berkenaan berusia

62 tahun dan berasal dari Kajang, Selangor dan dirawat di Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh, Perak pada 23 Mac.

"Dia disahkan meninggal dunia jam 12.37 tengah hari semalam (kelmarin)," ujarnya.

Katanya, jumlah kumulatif kematian akibat Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 23 kes.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

NewStraitsTimes . FRIDAY, MARCH 27, 2020 •

4

NEWS / Nation

23 DEATHS

4 MORE DIE DUE TO COVID-19

Number of patients has surpassed the 2,000 mark, with 235 new cases

KUALA LUMPUR

THE nationwide death toll due to Covid-19 stood at 23 up to noon yesterday, said the Health Ministry. There were also 235 new Covid-19 cases, bringing the total number of people infected by the virus to 2,031.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said of those new cases, 60 were linked to the tabligh cluster, while the remaining are still being investigated to determine the source of infection.

He said 45 patients were now being treated in the Intensive Care Unit (ICU), with 32 of them needing ventilator support.

"We would like to express our condolences to the family of the patients," he said at a press conference.

Dr Noor Hisham said the 20th death, or Case 780, was a 76-year-old Malaysian man who participated in the tabligh gathering in Sri Petaling, and who was treated at Sultan Ismail Petra Hospital in Kuala Krai, Kelantan, from March 18.

"He was pronounced dead on March 25 at 4.35pm.

"The 21st death, Case 1,588, was a Malaysian man aged 63, who was also an attendee at the tabligh gathering."

He said the patient, who was admitted to Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star, Kedah, was pronounced dead at 4am yesterday.

The 22nd death involved a 48-year-old man, Case 1,797, who had also attended the tabligh gathering and was admitted to Enche' Besar Hajjah Kalsom Hospital in Kluang, Johor.

"He was pronounced dead on March 23 at 8.15pm.

"The 23rd death, Case 1,840 was a Malaysian man from Kajang, with chronic illnesses back-ground.

"He was treated at Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh from March 23 and pronounced dead at 12.47pm on March 25."

Dr Noor Hisham said Covid-19 patients had a better chance of recovery if they were treated early.

He added that many patients were already at late stages when



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah at a Covid-19 press conference in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

admitted, placing them in the high-risk group.

"There are three groups that face a higher risk.

"Those aged 70 and above, with a medical history, or those with chronic illnesses and those who are in the later stages, like four and five, when they are already suffering breathing difficulties."

A total 16 Covid-19 patients recovered and were discharged yesterday, bringing the total number to 215.

Dr Noor Hisham said 80 ministry medical staff tested positive for the virus, but these cases were not linked to the handling of Covid-19-positive cases at the ministry's health facilities.

On state-by-state statistics, he said Selangor recorded 75 new Covid-19 cases up to noon yesterday, bringing the state's tally to 510, which was the highest among all states.

This was followed by Kuala Lumpur (51 new cases; 321 in total), Johor (43 new cases; 239 in total) and Perak (23 new cases; 151 in total).

Sabah reported two new Covid-19 cases, bringing its total to 172.

The other current figures were also given for Perlis (10), Kedah (72), Penang (74), Negri Sembilan (132), Melaka (239), Pahang (66), Terengganu (39), Kelantan (94), Sarawak (95), Putrajaya (18) and Labuan (5).

Dr Noor Hisham also reminded expectant mothers not to skip doctor's appointments amid the

Covid-19 scare as immunisation services for infants and children continued.

He said public maternal health centres remained operational, while health officers could also conduct house visits to ensure

both mother and child were healthy.

Meanwhile, Istana Negara's Comptroller of the Royal Household Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin said seven palace staff members tested positive for

Covid-19 and have been admitted to Kuala Lumpur Hospital (HKL) since March 24.

"All seven are currently in stable condition.

"The Health Ministry is currently identifying their source of infection.

"To prevent the further spread of the virus, all close contacts and Istana Negara staff have been instructed to undergo the screening test and also to quarantine themselves for 14 days, starting yesterday (Wednesday)."

Fadil said Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah were screened for the virus. Both tested negative.

He added that the king and queen were now undergoing self-quarantine for 14 days.

He said the situation also led to the king doing away with the pre-cabinet meeting with Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on Wednesday.

Fadil said the king decreed for Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri to propose for Muslims to simultaneously perform 'solat hajat' at a specified date soon to pray for the people's wellbeing.



Soldiers at a roadblock in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY OSMAN ADNAN

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

THE STAR, FRIDAY 27 MARCH 2020

Nation 3

Reports and pictures by The Star Team

Covid-19: Current situation in Malaysia

(As at 5pm, March 26, 2020)

				New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
				235	2,031	23	215
Kuala Lumpur	Selangor	WP Putrajaya	N. Sembilan	Melaka	Johor	Pahang	Terengganu
321	510	18	132	33	239	66	39
Kelantan	Kedah	Perlis	Penang	Perak	Sarawak	Sabah	WP Labuan
94	72	10	74	151	95	172	5

PETALING JAYA: Eighty medical personnel from the Health Ministry have so far tested positive for the coronavirus, says Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said based on investigations, none of the medical personnel were frontliners battling the disease at any of its facilities.

"However, we urge all medical personnel and frontliners to take the necessary precautionary measures to avoid (infection) as told, especially to ensure that they main-

80 medical staff members from MOH test positive

tain their hygiene, observe social distancing and wear personnel protective gear set by the ministry," Dr Noor Hisham said in a statement yesterday.

The highest number of cases recorded was in Hospital Teluk Intan (HTI), Perak with a total of 39 cases, followed by Hospital Selayang (five), Hospital Raja Perempuan Zainab II (four), Hospital Seri

Manjung, Perak (three), Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban (three) and Hospital Shah Alam with two cases.

It was reported that only the emergency department and the observation ward of the Teluk Intan hospital have been closed for cleaning and disinfection purposes following the discovery that 37 medical staff had tested positive

for Covid-19.

Dr Noor Hisham said the HTI management had taken strict control action with the assistance of the Hilir Perak district health office, with preventive measures to minimise exposure to hospital staff members being the main priority since the first case of positive Covid-19 infection was identified in the country.

**Malaysia sees another 235 new cases and four deaths**

PETALING JAYA: Malaysia has seen its biggest increase in Covid-19 cases with 235 new cases, bringing the total number of confirmed cases to 2,031.

The death rate is now 23 after four more fatalities were reported.

Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said based on initial investigations, 60 of the new cases reported were linked to the tabligh gathering at Masjid Jamek, Sri Petaling.

The bulk of the Covid-19 cases recorded in the country have been from the tabligh cluster.

Dr Noor Hisham said 16 patients were discharged yesterday, raising the total recoveries to 215.

He said 45 cases were being treated in intensive care, with 32 of these needing ventilators.

He said the 20th death involved patient 780, a 76-year-old Malaysian from the tabligh cluster.

"He was treated at the Sultan Ismail Petra Hospital in Kelantan from March 18 and died on March 25," Dr Noor Hisham told a press conference yesterday.

The 21st death involved patient 1,588, a 63-year-old Malaysian man from the tabligh cluster who was treated on March 23 and died yesterday.

The 22nd death involved patient 1,797, a 48-year-old Malaysian also from the tabligh cluster.

"He also had close contact with a Covid-19 positive patient who attended the same event," he said.

Dr Noor Hisham said patient 1,797 died on March 23, while the 23rd fatality involved patient 1,840, a 62-year-old with a history of chronic back pain.

He said that patient 1,840 was treated at the Raja Perempuan Bainun Hospital in Ipoh, Perak, on March 23 and he died on March 25.

"His case is still being investigated for any connection with a Covid-19 cluster," he added.

Dr Noor Hisham said 80 health ministry staff members were tested positive for Covid-19.

He said 1,895 frontline workers were screened for the virus with no one testing positive yet while 708